

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Thursday, October 24, 2019 2:52 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: UUM SENTIASA MENYANTUNI PELAJAR, MASYARAKAT



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

24 OKTOBER 2019 / 25 SAFAR 1441H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah

Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

UUM SENTIASA MENYANTUNI PELAJAR, MASYARAKAT



UUM ONLINE: Kecemerlangan mahasiswa dan pencapaian kerjaya alumni dalam pelbagai bidang dan sektor industri amat membanggakan UUM.

Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani berkata, ramai alumni UUM yang telah menjawat jawatan tinggi dalam syarikat besar dan syarikat multinasional selain yang menjalankan perniagaan sendiri.

"Para pelajar UUM juga tidak kurang hebatnya dalam pencapaian akademik dan ko-kurikulum. Terkini, pasukan debat Bahasa Inggeris pelajar Pusat Pengajian Undang-Undang telah memenangi *The 16th International Humanitarian Law Moot Court Competition*.

"Ianya satu pencapaian yang sangat membanggakan universiti dan lebih manis kerana dapat menewaskan pasukan dari universiti tersohor dalam dan luar negara," ucapnya pada sesi kesembilan sempena Majlis Konvokesyen Ke-32 UUM, di Dewan Mu'adzam Shah, semalam.

Selain itu katanya, UUM sentiasa berusaha mendekati masyarakat menerusi Projek 1 Pusat Pengajian 1 Daerah (1PP1D) yang membantu setiap daerah di negeri Kedah membangunkan program sosioekonomi seperti Kulim, Kubang Pasu, Baling, Sik, Yan, Bandar Baharu, Padang Terap dan Pokok Sena.

“UUM memiliki pelbagai bidang kepakaran yang boleh disumbangkan kepada masyarakat di setiap daerah mengikut kesesuaian lokasi komuniti berkenaan.

“1PP1D dan kerjasama strategik Pejabat Setiausaha Kerajaan negeri Kedah ini akan dapat menyemarakkan lagi ‘community engagement’ antara UUM dengan Kerajaan Negeri bagi manfaat rakyat Kedah keseluruhannya,” ujarnya.

Bukan itu sahaja, jelasnya, penubuhan Tabung Wakaf dan Endowmen Pendidikan Universiti Utara Malaysia turut membantu para pelajar daif dari golongan B40 di UUM untuk meneruskan proses pembelajaran mereka dalam keadaan lebih selesa dan selamat.

“Kerajaan Malaysia dalam pembentangan Bajet 2020 baru-baru ini telah memberikan pengecualian cukai kepada penyumbang sebagai langkah untuk menyemarakkan lagi usaha murni tersebut,” katanya.

Manakala, program ‘food bank’ UUM telah dilancarkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Canselor dapat meringankan beban pelajar B40 untuk menerima bantuan makanan.

“Dengan tertubuhnya program ini, maka dapatlah para pelajar sasaran dari golongan yang kurang berkemampuan untuk menerima bantuan makanan dan menikmati suasana pembelajaran yang lebih kondusif lagi,” tambahnya.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.